



SIARAN MEDIA

PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS: PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI KOLABORASI BERSAMA NGO

SRI AMAN, 25 JANUARI – Sebagai langkah strategik ke arah mencapai eliminasi kanser serviks wanita Malaysia, pemerkasaan komuniti melalui kolaborasi bersama NGO yang akan dilaksanakan dalam program saringan ujian HPV DNA bagi tahun 2026. Pendekatan ini bertujuan memperluas akses saringan dalam kalangan wanita, khususnya wanita daripada komuniti Orang Asli, etnik di kawasan pedalaman serta komuniti terpencil.

“Wakil yang dilantik berpeluang untuk menyampaikan sesi menggunakan dialek etnik atau bahasa daerah masing-masing bagi memudahkan penyampaian maklumat dan penerimaan kumpulan sasar”, ujar YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika merasmikan Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Peringkat Kebangsaan 2026 di Dewan Suarah, Sri Aman, Sarawak. Teks beliau dibacakan oleh YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN.

Sebagai permulaan pendekatan ini, seramai 50 duta etnik atau NGO telah dikenal pasti khususnya di Negeri Sarawak, akan dilantik dan dilatih untuk melaksanakan sekurang-kurangnya lima (5) sesi kesedaran kanser serviks dalam komuniti.

Tambah Dato’ Sri Nancy, inisiatif ini diharap dapat menjadi contoh dan penanda aras kepada negeri-negeri lain dalam memperluas capaian pelaksanaan program secara menyeluruh kepada golongan wanita di negeri masing-masing sejajar dengan hasrat lebih ramai wanita akan tampil untuk menjalani saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA dengan sasaran sekurang-kurangnya 32,000 wanita akan disaring pada tahun 2026.

Untuk makluman, Tinjauan Pendapat Umum Sempena Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks 2025 oleh LPPKN mendapati 95.7 peratus (%) responden mengetahui dan mempunyai kesedaran bahawa kanser serviks boleh dikesan serta dicegah dengan saringan dan pengesanan awal. Namun, daripada tinjauan tersebut hanya 54.1 peratus (%) wanita yang menjalani saringan kanser serviks, manakala 45.9 peratus (%) wanita tidak pernah menjalani saringan ini.

Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2026 turut dimeriahkan dengan karnival *Teal Race*, sukan rakyat, sesi interaktif serta perkongsian pengalaman oleh bekas pesakit dan juga penjaga pesakit kanser.

Turut hadir, YBhg. Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN dan Ketua-ketua Jabatan serta agensi KPWK M.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
25 JANUARI 2026**